

PENANG

16 - 31 MAC, 2026

PENANG 2030

# BULETIN MUTIARA

PERCUMA

www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow

# Infrastruktur awam

## penuhi keperluan rakyat

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **SITI NURATIKAH RAHMAT**




RUPA bentuk Pasar Awam dan Kompleks Makanan Seberang Jaya kini.

**SEBERANG JAYA –** Kerajaan Negeri Pulau Pinang terus komited memastikan pembangunan infrastruktur awam dilaksanakan secara menyeluruh, terancang dan inklusif bagi memenuhi keperluan rakyat.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa projek pembinaan semula Pasar Awam dan Kompleks Makanan Seberang Jaya yang bermula pada tahun 2019 merupakan antara inisiatif strategik Kerajaan Negeri dalam memperkasa kemudahan awam di negeri ini.

Menurut beliau, pasar awam berkenaan bukan sahaja berfungsi sebagai pusat urus niaga, malah menjadi nadi ekonomi setempat, pemangkin keusahawanan rakyat serta medium interaksi sosial yang mengukuhkan hubungan komuniti.

"Projek ini dilaksanakan bagi menggantikan pasar lama yang telah beroperasi lebih 30 tahun dan tidak lagi memenuhi keperluan semasa.

"Sepanjang tempoh pembinaan, para peniaga ditempatkan di tapak sementara di Jalan Tenggiri 2 bagi memastikan kelangsungan sumber pendapatan mereka tidak terjejas.

"Sehubungan itu, Kerajaan Negeri merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), pihak kontraktor serta para peniaga atas kesabaran, komitmen dan kerjasama yang ditunjukkan sepanjang proses peralihan tersebut," katanya ketika merasmikan Pasar Awam dan Kompleks Makanan Seberang Jaya di sini, 7 Februari lalu.

Turut hadir, Exco Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, H'ng Mooi Lye; Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Dato' Baderul Amin Abdul Hamid; barisan Ahli Majlis MBSP; Setiausaha Bandaraya MBSP, Mohd. Ibrahim Md. Nor serta wakil-wakil penjaja Pasar Awam dan Kompleks Makanan Seberang Jaya.

Kon Yeow menyatakan bahawa pasar awam dan kompleks makanan baharu itu kini dilengkapi dengan 253 unit gerai yang merangkumi perniagaan barangan basah dan kering, sekali gus mencerminkan perancangan yang lebih sistematik, teratur dan berdaya saing.

"Sambutan peniaga terhadap kemudahan ini amat menggalakkan, dengan sebahagian besar gerai telah mula beroperasi sejak 1 April 2025.

"Projek ini melibatkan kos pembinaan sekitar RM20 juta dan telah siap sepenuhnya pada tahun 2024, sekali gus membuktikan kesungguhan Kerajaan Negeri bersama MBSP dalam melabur bagi memperkukuh infrastruktur ekonomi rakyat.

"Pelaburan ini bukan sahaja menyediakan persekitaran perniagaan yang lebih selesa, bersih dan selamat, malah turut menyumbang kepada peningkatan imej bandar serta kualiti hidup masyarakat setempat.

"Pasar ini turut menyediakan ruang perniagaan kepada penjaja tidak berlesen supaya mereka dapat berniaga di tempat yang lebih selesa dan teratur, serta bebas daripada tindakan undang-undang," ujarnya.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Batu Kawan berkata, projek menaik taraf pasar tersebut turut mengambil kira unjuran pertambahan penduduk pada masa hadapan, khususnya dengan pembangunan pesat kawasan Seberang Jaya yang bakal dipacu oleh projek-projek berskala besar.

"Penyediaan fasiliti pasar yang lebih moden dan teratur ini dilihat bersifat strategik dalam menyokong keperluan harian penduduk baharu secara mampan.

*(Sambungan di muka 15).*

# Galeri Automotif perkukuh warisan naratif mobiliti

Oleh : **NUR ASHIKIN ISMAIL**
Gambar : **SITI NURATIKAH RAHMAT**




GALERI Automotif yang terletak di Jalan Macalister kini muncul sebagai tarikan pelancongan terbaharu di negeri ini.



KETUA Menteri (tiga dari kanan) bersama-sama dif-dif kehormat lain merakamkan gambar kenangan di salah satu sudut pameran menarik di Galeri Automotif di sini.

**GEORGE TOWN -** Penubuhan Galeri Automotif Muzium Negeri Pulau Pinang disifatkan sebagai satu pelaburan strategik jangka panjang Kerajaan Negeri dalam usaha pemeliharaan warisan, pendidikan serta pembangunan sosioekonomi negeri.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa penubuhan galeri berkenaan mencerminkan komitmen Kerajaan Negeri dalam memperkaya landskap permuziuman, di samping memastikan sejarah serta memori kolektif Pulau Pinang terus dipelihara, didokumentasikan dan diwariskan kepada generasi akan datang.

"Sektor pengangkutan dan mobiliti memainkan peranan penting dalam membentuk pembangunan Pulau Pinang, sama ada dari aspek pertumbuhan bandar, kegiatan ekonomi, interaksi sosial mahupun pembentukan identiti masyarakat.

"Justeru, galeri ini membawa naratif signifikan yang merakam evolusi pengangkutan yang telah menghubungkan manusia, idea, perdagangan dan budaya sejak sekian lama," ujarnya pada Majlis Perasmian Galeri Automotif Muzium Negeri Pulau Pinang di sini pada 3 Februari lalu.

Hadir sama, Exco Pelancongan dan Ekonomi Kreatif, Wong Hon Wai; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Teh Lai Heng; ADUN Air Itam, Joseph Ng Soon Siang; Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato' Ir. A. Rajendran; Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan), Mohamed Abdul Rahman dan Pengarah Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang (LMNPP), Haryany Mohamad.

Kon Yeow yang juga Exco Kewangan, Pembangunan Ekonomi & Tanah dan Komunikasi menyatakan bahawa Pulau Pinang kini berada pada fasa penting untuk mentransformasikan sistem mobiliti ke arah yang lebih pintar, mampan dan mesra rakyat.

"Kerajaan Negeri sedang giat melaksanakan pelbagai inisiatif pengangkutan awam seperti projek Transit Aliran Ringan (LRT) Laluan Mutiara, penambahbaikan perkhidmatan bas serta galakan penggunaan kenderaan elektrik (EV) selaras dengan agenda hijau nasional dan global.

"Galeri ini bukan sekadar melihat ke belakang, tetapi turut mengajak kita merenung ke hadapan, khususnya bagaimana sejarah pengangkutan boleh menjadi panduan dalam merancang sistem mobiliti yang lebih lestari, inklusif dan berdaya tahan.

"Di samping itu, galeri ini turut menyumbang kepada agenda pembangunan pelancongan negeri dengan memperkayakan produk pelancongan budaya dan berasaskan ilmu, selain berpotensi menjadi pemangkin ekonomi setempat serta merangsang aktiviti perniagaan di kawasan Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town," jelasnya yang juga ADUN Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Batu Kawan.



LANCA merupakan kenderaan roda dua tradisional yang popular pada akhir abad ke-19 hingga awal abad ke-20 di Negeri-negeri Selat.

Sementara itu, Hon Wai menyatakan bahawa pembinaan Galeri Automotif Muzium Negeri Pulau Pinang merupakan antara inisiatif pembangunan berimpak tinggi yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri bersama LMNPP bagi menyediakan ruang pameran tetap yang lebih sistematik, selamat dan menepati piawaian permuziuman antarabangsa.

"Sejajar dengan definisi muzium oleh *International Council of Museums* (ICOM), galeri ini bukan sekadar ruang pameran, sebaliknya berfungsi sebagai institusi pendidikan dan penyelidikan yang berkhidmat kepada masyarakat melalui pengumpulan, pemuliharaan, pentafsiran serta pameran warisan ketara dan tidak ketara.

"Dengan keluasan hampir 1,907 meter persegi, galeri ini dirancang secara menyeluruh dengan mengambil kira aspek kebolehcapaian awam, keselesaan pengunjung, keselamatan koleksi serta nilai estetika yang selari dengan status George Town sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO.

"Justeru, saya yakin kewujudan Galeri Automotif ini akan melengkapkan rangkaian muzium sedia ada serta menjadi tarikan baharu pelancongan budaya, bukan sahaja kepada rakyat Pulau Pinang malah pelancong tempatan dan antarabangsa, selari dengan aspirasi Penang 2030," katanya.

Difahamkan, antara tarikan utama galeri ini adalah koleksi kenderaan rasmi Gabenor pertama Pulau Pinang, Almarhum Raja (Sir) Tun Uda Al-Haj Raja Muhammad, selain koleksi kereta kuda milik *Penang Turf Club* yang dipelihara sebagai warisan rasmi negeri.

Koleksi berkenaan bukan sahaja bernilai tinggi dari sudut sejarah, malah mencerminkan simbol kenegaraan, status sosial serta perubahan gaya hidup masyarakat pada zamannya.




PEDATI Gerbong antara kenderaan tidak berenjin yang turut dipamerkan di sini.

# Levelling Up Seberang Perai

## pacu transformasi inklusif mampan



SEBERANG Perai bakal ditransformasikan sebagai sebuah bandar berdaya tahan, inklusif dan mampan.

**SEBERANG** Perai merupakan tulang belakang kepada pembangunan negeri Pulau Pinang dari segi keluasan tanah dan jumlah penduduk.

Namun, selama beberapa dekad, pembangunan pesat lebih tertumpu di Pulau Pinang, menyebabkan wujudnya jurang pembangunan dan sosioekonomi antara pulau dan Seberang Perai.

Menyedari potensi besar yang masih belum dimanfaatkan ini, *Think City* telah memperkenal program *Levelling Up Seberang Perai* (LUSP) sebagai satu inisiatif transformasi jangka panjang untuk menjadikan Seberang Perai sebuah hab bandar yang berdaya tahan, inklusif dan bersedia menarik pelaburan.



KISHORE Ramdas.

Bagi mendapatkan gambaran yang lebih mendalam mengenai hala tuju dan impak program ini, wartawan Buletin Mutiara, **AINUL WARDAH SOHILLI** telah berkesempatan menghubungi Pengurus Kanan Think City Sdn. Bhd., **KISHORE RAMDAS** baru-baru ini.

### Asal usul LUSP

Menurut Kishore, LUSP lahir daripada visi strategik bersama antara Kerajaan Persekutuan (melalui Kementerian Kewangan), Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP).

“Matlamat utamanya adalah untuk mempercepat usaha merapatkan jurang pembangunan antara pulau dan Seberang Perai, sejajar dengan aspirasi Visi Penang2030 yang menekankan pertumbuhan inklusif.

“Walaupun Pulau Pinang telah menikmati pembangunan pesat sejak sekian lama, Seberang Perai yang menempatkan majoriti tanah dan penduduk negeri masih dianggap sebagai “enjin pertumbuhan yang belum dimanfaatkan sepenuhnya”.

“Berlandaskan pelbagai kajian teknikal asas serta program libat urus masyarakat yang diselaraskan oleh Think City (Think City Sdn. Bhd.), Fasa 1 LUSP dirangka menggunakan pendekatan perancangan visi secara partisipatif bersama komuniti dan pihak berkepentingan tempatan.

“Tumpuan awal diberikan kepada potensi pesisir Seberang Perai Utara (SPU) sebagai pemacu ekonomi baharu, di samping menangani isu peluasan bandar tidak terkawal, degradasi alam sekitar dan kesesakan trafik yang menjejaskan pekan-pekan kecil di Seberang Perai.

“Program ini turut diinspirasikan oleh kejayaan Think City dalam usaha peremajaan bandar George Town, dengan hasrat untuk meniru dan menskalakan kejayaan tersebut ke tanah besar secara berperingkat dan menyeluruh,” ujarnya.

### Mesej utama LUSP

Bercakap mengenai objektif LUSP, Kishore memaklumkan bahawa ia berperanan sebagai platform sokongan teknikal kepada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dalam usaha membangunkan Seberang Perai yang hijau, mampan dan inklusif.

“Program ini diselaraskan dengan objektif Rancangan Malaysia Ke-13 (RMKe-13), (Visi) Penang2030, pelan-pelan tempatan, rancangan struktur negeri serta pelan bersepadu oleh PLANMalaysia.

“Antara objektif utama LUSP adalah penjanaan semula ekonomi yang bermatlamat menjadikan Seberang Perai sebagai sempadan ekonomi baharu dengan membuka potensi dalam sektor pelancongan, industri kreatif dan ekonomi kitaran.

“Kedua, adalah ketahanan dan kelestarian yang akan membuktikan bahawa pertumbuhan bandar boleh



HUTAN Pelajaran Air Hitam Dalam yang terletak di Seberang Perai Utara turut menjadi sebahagian daripada inisiatif program LUSP.

bergerak seiring dengan adaptasi iklim dan pemuliharaan alam sekitar, termasuk menangani isu hakisan pantai, banjir, kenaikan aras laut dan gelombang haba.

“(Dan) yang terakhir adalah inklusiviti berteraskan rakyat yang menonjolkan model pembangunan *‘bottom-up approach’* dengan meletakkan komuniti tempatan termasuk wanita, nelayan, artisan, petani dan usahawan kecil sebagai pemacu utama kebangkitan bandar mereka sendiri,” jelasnya.

### Penglibatan masyarakat

Sambutan orang awam terhadap LUSP, kata Kishore, amat memberangsangkan.

“Semasa pelancaran program dan seruan terbuka kepada komuniti untuk mengemukakan cadangan projek, lebih 250 cadangan diterima daripada 70 pekan dan kawasan kejiranan dengan 65 projek dipacu komuniti telah menerima pembiayaan,” katanya.

Selain itu, tambah beliau, program pengaktifan ekonomi, pembangunan komuniti dan peningkatan kapasiti telah melibatkan lebih 1,200 peserta tempatan, merangkumi wanita, nelayan, petani, artisan, penggiat pelancongan, pencinta alam semula jadi dan perusahaan kecil serta sederhana (PKS).

“Respons ini mencerminkan tahap rasa pemilikan tempatan yang tinggi, menandakan kesediaan masyarakat Seberang Perai untuk bersama-sama memacu transformasi wilayah mereka,” jelasnya.

### Cabaran pelaksanaan

Menurut Kishore, antara cabaran utama LUSP adalah menyatukan usaha pelbagai pihak merangkumi sektor awam, sektor swasta, badan bukan kerajaan (NGO), akademia dan penduduk tempatan di seluruh SPU, Seberang Perai Tengah (SPT) dan Seberang Perai Selatan (SPS).

*(Sambungan di muka 4).*

(Sambungan dari muka 3).

# Seberang Perai miliki kekuatan sendiri




**GALERI Arkeologi Guar Kepah yang terletak di Penaga merupakan salah satu tarikan pelancongan yang wajib dilawati.**



**HAMDAN Abdul Majeed.**

"Proses ini kadangkala memerlukan penyesuaian dari segi jadual pelaksanaan dan hala tuju strategik, namun hasil dan impaknya menjadi lebih besar serta lebih selari dengan dasar persekutuan dan negeri.

"Cabaran lain adalah untuk memastikan kesinambungan usaha yang telah dibina dalam Fasa 1 serta mengekalkan momentum perubahan ke fasa-fasa seterusnya.

"Kini, persoalan utama bukan lagi 'bagaimana' untuk melaksanakannya, tetapi 'seberapa pantas' program ini boleh diskalakan bagi memenuhi keperluan populasi yang semakin berkembang.

"Bagi benar-benar 'menaik taraf' wilayah sebesar Seberang Perai, pendekatan projek perintis perlu berkembang ke arah struktur pembiayaan bersepadu dan jangka panjang seperti yang dirancang dalam Fasa 2 dan 3," ulasnya.

## Harapan dan hasil masa hadapan

Berpandukan kejayaan serta pengajaran daripada Fasa 1, Kishore yakin bahawa Think City dapat melaksanakan fasa-fasa seterusnya bagi mengukuhkan asas yang telah dibina dan meneruskan usaha ke arah Seberang Perai yang lebih hijau, mampan dan inklusif menjelang tahun 2030.

"Transformasi menyeluruh Seberang Perai sebagai sebuah bandar global yang berdaya tahan dijangka dapat direalisasikan sepenuhnya dalam Fasa 2 dan 3.

"Melalui kesinambungan ini, program LUSP berpotensi membuka peluang pelaburan sektor swasta bernilai berbilion ringgit serta mengukuhkan peranan *Think City* sebagai rakan teknikal utama kerajaan dalam menjayakan Visi Penang2030 dan Malaysia Madani," tegasnya.

Menjelang 2030, jelas Kishore, LUSP menyasarkan:

- Persekitaran bandar yang bertenaga dan berpusatkan rakyat dengan ruang awam berkualiti tinggi serta peningkatan taraf hidup;
- Penjenamaan Seberang Perai sebagai destinasi pelancongan 'wajib' dilawati;
- Ekonomi tempatan yang lebih pelbagai dan kurang bergantung kepada industri tradisional, dengan penekanan kepada inovasi mampan dan pelancongan budaya;
- Pengiktirafan antarabangsa terhadap Seberang Perai sebagai peneraju global dalam pembangunan bandar mampan.

Sementara itu, Pengarah Urusan Think City, **DATO' HAMDAN ABDUL MAJEED** ketika dihubungi memberitahu bahawa 'benih' kemajuan Seberang Perai kini mula bercambah dan berpotensi untuk menjadi wilayah yang mampan dan inklusif.

Menurut beliau, Seberang Perai memiliki kekuatan tersendiri dari segi warisan, komuniti dan aset semula jadi.

"Seberang Perai juga menjadi lokasi yang bakal mencorak masa depan yang lebih hijau, mampan dan inklusif serta berasaskan komuniti," katanya.

Beliau turut menegaskan bahawa kejayaan awal menerusi LUSP membuktikan idea tempatan mampu menghasilkan perubahan sebenar apabila disokong oleh kerjasama strategik dan perancangan yang tepat.

"Kemajuan melalui puluhan projek diterajui komuniti menunjukkan bahawa pembangunan berteraskan rakyat mampu memperkukuh sumber pendapatan, menghidupkan semula pekan kecil serta membina daya tahan wilayah untuk jangka panjang," jelasnya.

Mengulas hala tuju seterusnya, Hamdan menyatakan bahawa Fasa 1 LUSP telah membuktikan potensi besar yang boleh dicapai apabila komuniti diberi kuasa menentukan masa depan mereka sendiri.

"Melangkah ke hadapan, tumpuan kami adalah untuk memperluas momentum ini kepada satu transformasi berterusan dan berbilang tahun, agar Seberang Perai terus berkembang sebagai wilayah yang berdaya huni, berdaya tahan dan inklusif, selari dengan aspirasi kerajaan ke arah kemakmuran bersama untuk generasi kini dan akan datang," katanya.



**NELAYAN merupakan antara komuniti penggerak ekonomi tempatan di Seberang Perai.**

**Sila imbas Kod QR untuk melihat Peta Komuniti Seberang Perai.**

# SAF Centre sasar lahir generasi Ulul Albab

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI**

**BERTAM -** Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) secara rasminya melancarkan Pusat Pendidikan Sheikh Abdullah Fahim *(SAF Centre)* sebagai langkah strategik dalam memperkasa pembangunan modal insan dan pendidikan Islam di negeri ini.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Dr. Mohamad Abdul Hamid berkata, penjenamaan *SAF Centre* dibuat sebagai tanda penghormatan kepada Allahyarham Sheikh Abdullah Fahim, tokoh ulama dan ahli falak tersohor yang juga merupakan Mufti Pulau Pinang pertama pada tahun 1951.

"Sebagai permulaan, *SAF Centre* akan menguruskan Program Inkubator Ulul Albab yang melibatkan tajaan biasiswa penuh berjumlah RM1.5 juta.

"Tajaan ini diberikan kepada sembilan anak Pulau Pinang yang cemerlang untuk melanjutkan pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda, Sarjana dan Doktor Falsafah (PhD) di universiti terkemuka dalam serta luar negara," ujarnya yang juga Exco Pembangunan Agama, Pendidikan dan Pengajian Tinggi serta Perpaduan Masyarakat ketika berucap pada Majlis Citra Korporat dan Pelancaran Pusat Pendidikan Sheikh Abdullah Fahim Negeri Pulau Pinang di sini pada 3 Februari 2026.




DR. Mohamad Abdul Hamid (tujuh dari kiri) turut menerima cek cura zakat korporat pada Majlis Citra Korporat dan Pelancaran Pusat Pendidikan Sheikh Abdullah Fahim Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Beliau yang juga Yang Dipertua MAINPP memaklumkan bahawa *SAF Centre* akan memberi tumpuan kepada tiga bidang strategik, iaitu Pengajian Islam, Ekonomi dan Kewangan serta Sains dan Teknologi.

"Program ini dilaksanakan menerusi tiga skim utama, iaitu *Rising Star Ulul Albab* (Sarjana Muda), *Acceleration Ulul Albab* (Sarjana) dan *Excellence Ulul Albab* (PhD).

"Antara institusi pengajian yang tersenarai termasuk universiti tempatan seperti Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM), selain universiti luar negara di Jordan (Yarmouk, Mu'tah, WISE), United Kingdom (Manchester, Leicester), Australia dan New Zealand," katanya.

Beliau turut menjelaskan bahawa program tersebut digerakkan berlandaskan falsafah 'melahirkan insan berilmu yang kembali berbakti membangunkan negeri.

Tambahnya, setiap penerima tajaan diwajibkan pulang berkhidmat serta menyumbang kepakaran kepada institusi dan industri di Pulau Pinang selepas tamat pengajian.

"Langkah ini merupakan pelaburan jangka panjang Kerajaan Negeri bagi memastikan bakat terbaik tempatan terus memacu pembangunan ummah dan ekonomi negeri," ulasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung.

# SRI Masjid SPU perkukuh syiar Islam

**TELUK AIR TAWAR –** Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) menzahirkan komitmen tinggi dalam memperkasa syiar Islam melalui penyediaan infrastruktur pendidikan yang kondusif dengan perasmian Sekolah Rendah Islam (SRI) Masjid Seberang Perai Utara (SPU) di sini pada 3 Februari 2026.

Projek pelaburan modal insan yang menelan belanja kira-kira RM4 juta itu merupakan hasil kerjasama erat dengan Jabatan Kerja Raya (JKR) Pulau Pinang dan bakal menjadi mercu tanda baharu bagi pendidikan Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) di daerah berkenaan.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Dr. Mohamad Abdul Hamid berkata, pembinaan sekolah tersebut membuktikan kesungguhan Kerajaan Negeri dalam menyediakan asas pendidikan agama yang kukuh bagi melahirkan generasi beriman, berilmu dan beramal.

"Pendidikan merupakan instrumen penting dalam mencapai matlamat Maqasid Syariah, khususnya dalam memelihara akal.

"Melalui proses pembelajaran yang holistik, kita bukan sahaja mengejar kecemerlangan akademik, malah turut menekankan pembangunan sahsiah dan spiritual pelajar.

"Kerajaan Negeri berharap peruntukan dana yang besar ini dapat memenuhi keperluan pendidikan agama anak-anak masyarakat setempat secara lebih sistematik," ujarnya yang juga Exco Pembangunan Agama, Pendidikan dan Pengajian Tinggi serta Perpaduan Masyarakat ketika merasmikan majlis tersebut.

Mengulas lanjut, Mohamad yang juga Yang Dipertua MAINPP memaklumkan bahawa pengoperasian sekolah tersebut dilaksanakan secara berfasa.

"Fasa pertama memulakan operasi dengan dua kelas, iaitu Tahun 1 dan Tahun 2, melibatkan seramai 36 pelajar serta dikendalikan oleh dua guru KAFA.

"Bangunan ini dilengkapi 10 bilik darjah yang mampu menampung sehingga 240 pelajar pada masa hadapan," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung.

Ditanya lanjut, beliau memaklumkan bahawa setakat Januari 2026, jumlah Sekolah Islam Pulau Pinang meningkat kepada 352 buah berbanding 340 buah sebelum ini, manakala jumlah KAFA berdaftar kini mencecah 222 buah.

"Selain SRI Masjid SPU, terdapat tiga lagi sekolah agama yang sedang dalam pembinaan, iaitu SAR Madrasah an-Najah, Kampung Selamat (RM4.5 juta); SAR Nurul Falah, Taman Berjaya (RM5 juta); dan SAR Masjid Bandar Baru Ayer Itam (RM5.4 juta).




DR. Mohamad Abdul Hamid (tiga dari kanan) hadir menyaksikan simbolik penyerahan bangunan SRI Masjid Seberang Perai Utara yang baharu di sini pada 3 Februari lalu.

"Kerajaan Negeri turut menyalurkan bantuan pengurusan pada tahun lalu merangkumi RM3.18 juta untuk SAR, selain sumbangan elaun tambahan kepada 1,650 guru KAFA sebanyak RM7.2 juta serta guru Sekolah Islam Pulau Pinang sebanyak RM4.19 juta," katanya.

Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP), Dato' Marzuki Hassan dan Pengarah JKR Pulau Pinang, Dato' Ir. Ahmad Nadzri Abdul Majid turut menyaksikan Mohamad menyempurnakan majlis menandatangani plak perasmian bangunan baharu SRI Masjid SPU tersebut.

# Pembelajaran melalui pengalaman sebenar



MELISSA Ramlan.

DALAM kesibukan dunia digital hari ini, ruang untuk kanak-kanak meneroka alam secara langsung semakin terhad, sekali gus mendorong lahirnya inisiatif yang memberi pengalaman pembelajaran di luar bilik darjah.

Berteraskan hasrat tersebut, *Raising Kids Penang*, sebuah inisiatif pendidikan luar untuk kanak-kanak tampil menawarkan pengalaman pembelajaran secara langsung melalui aktiviti luar yang berteraskan alam, budaya dan interaksi haiwan.

Susulan itu, wartawan Buletin Mutiara, **NUR ASHIKIN ISMAIL** bersama-sama jurugambar, **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI** berkesempatan menemu bual pengasasnya, **MELISSA RAMLAN** untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai latar belakang organisasi tersebut.

Ditubuhkan selepas pandemik COVID-19, *Raising Kids Penang* memberi fokus kepada usaha mengajak kanak-kanak keluar daripada rutin harian berasaskan gajet dan kembali belajar melalui pengalaman sebenar.

"Idea untuk menubuhkan *Raising Kids Penang* tercetus daripada pemerhatian terhadap perubahan gaya hidup kanak-kanak yang semakin terhad kepada persekitaran tertutup.

"Saya mahu kanak-kanak mengalami sendiri aktiviti luar seperti yang kita alami dahulu bermain di kampung, berinteraksi dengan alam dan haiwan, serta belajar melalui pengalaman, bukan hanya melalui buku atau skrin," katanya sewaktu ditemui pada 27 Januari lalu.

Sejak penubuhannya, Melissa menyatakan bahawa *Raising Kids Penang* telah menganjurkan lebih 100 bengkel dan program dengan pelbagai tema, hasil kolaborasi bersama pusat pembelajaran di rumah *(homeschooling)*, sekolah antarabangsa, Universiti Sains Malaysia (USM), vendor haiwan serta rakan strategik seperti Kampung Agong.

"Antara program paling mendapat sambutan adalah *'Anak Kampung Experience'* yang dianjurkan di Kampung Agong, Penaga memberi peluang kepada kanak-kanak merasai sendiri kehidupan di kampung melalui aktiviti seperti masuk bendang, menanam padi dan menangkap ikan.

"Ikan tilapia yang digunakan dalam aktiviti tersebut adalah ikan yang selamat dan sesuai untuk kanak-kanak, selain membantu mengawal spesies ikan tertentu di kawasan bendang.

"Malah, kanak-kanak bukan sahaja boleh belajar mengenai proses penanaman padi dan ekosistem bendang, tetapi juga membina keyakinan diri dan keberanian apabila mereka berani masuk ke sawah serta menangkap ikan dengan tangan sendiri," jelasnya.

Tambah Melissa, program *Anak Kampung Experience* biasanya diadakan sebulan sekali pada sesi pagi, bermula sekitar jam 9.30 pagi hingga 11.30 pagi, bagi mengelakkan cuaca panas.

"Setiap sesi dihadkan kepada kira-kira 25 peserta bagi memastikan keselamatan dan kualiti pengalaman.

"Yuran penyertaan dikenakan sebanyak RM55 bagi setiap kanak-kanak, merangkumi bayaran masuk Kampung Agong, dua aktiviti utama, topi jerami, kit snek serta perkhidmatan jurugambar profesional.

"Ibu bapa turut dibenarkan untuk menyertai aktiviti atau berehat di pondok rehat yang disediakan," katanya.



**AKTIVITI penanaman padi merupakan antara pengisian inisiatif di bawah *Raising Kids Penang*.**

Selain itu, *Raising Kids Penang* turut menganjurkan *River Series*, iaitu program bulanan yang diadakan di *Sungai Ara Waterfront*.

"Program River Series menggabungkan aktiviti penceritaan, seni dan kraf serta sesi *'petting zoo'* yang menampilkan pelbagai haiwan seperti arnab, itik, reptilia dan serangga.

"Melalui program tersebut, kita mahu kanak-kanak mengenali haiwan dan alam secara dekat tanpa perlu pergi ke zoo.

"Jadi, melalui aktiviti ini mereka boleh melihat, menyentuh dan belajar dalam suasana santai serta selamat," ujarnya sambil menyatakan bahawa kanak-kanak sentiasa berada di bawah pengawasan ibu bapa sepanjang aktiviti dijalankan.

Dalam pada itu, Melissa turut menekankan bahawa *Raising Kids Penang* mengamalkan pendekatan inklusif dengan menerima penyertaan kanak-kanak berkeperluan khas, termasuk mereka yang mempunyai autisme, ADHD (Gangguan Kurang Daya Tumpuan dan Hiperaktif) dan disleksia, dengan pengawasan dan sokongan ibu bapa.

Walaupun mendapat sambutan menggalakkan, Melissa mengakui bahawa cabaran utama adalah menguruskan program secara bersendirian, selain kekangan mendapatkan sukarelawan atau tenaga bantuan terutama pada hujung minggu.

"Kadang-kadang orang melihat yuran yang dikenakan agak mahal, sedangkan jika dibandingkan dengan program lain, ia antara yang paling rendah di Pulau Pinang," tambahnya.

Dari segi perancangan masa hadapan, Melissa bercita-cita untuk menulis buku cerita kanak-kanak berunsur pendidikan dan alam sekitar, selain sedang berusaha mendapatkan geran bagi merealisasikan hasrat tersebut.

"Saya berharap dapat memperluaskan kolaborasi dengan lebih banyak sekolah, pusat pembelajaran dan jenama besar, selain meneroka potensi penganjuran program berskala lebih besar seperti aktiviti pengukuhan pasukan.

"Permintaan bukan sahaja datang dari Pulau Pinang, malah dari kawasan seperti Kulim dan Ipoh. Namun, cabaran utama adalah mencari lokasi yang sesuai serta tenaga kerja mencukupi," katanya.

Bagi beliau, misi *Raising Kids Penang* kekal jelas menyediakan ruang selamat dan bermakna untuk kanak-kanak belajar, bermain dan membesar dengan lebih seimbang.

"Jika kanak-kanak pulang dengan gembira, meskipun kotor bermain tanah dan pulang dengan senyuman, itu sudah cukup bermakna bagi saya.

"Saya mahu setiap kanak-kanak merasai pengalaman sebenar daripada menanam padi hingga berinteraksi dengan haiwan supaya mereka dapat belajar dengan cara yang menyeronokkan dan tidak terlalu bergantung pada gajet," ulasnya menutup sesi wawancara berkaitan.



**MEMUKAT ikan menggunakan bubu adalah kaedah tradisional yang turut didedahkan kepada kanak-kanak yang menyertai *Anak Kampung Experience* di Kampung Agong baru-baru ini.**

**2026**
PERANCANGAN EXCO

# Bantu usahawan tembusi pasaran lebih luas



RASHIDI Zinol.



**RASHIDI Zinol (tengah) bersama-sama Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar Negeri Johor, Datuk Zahiri Sarip (dua dari kanan) menyantuni salah seorang pengunjung Jualan Kasih Johor ketika menyertai Jelajah Pulau Pinang @Johor pada Januari lalu. *(Ihsan: Exco)***

**KERAJAAN** Negeri Pulau Pinang komited untuk mewujudkan ekosistem keusahawanan yang holistik dan kondusif bagi menyokong agenda pembangunan sosioekonomi negeri.

Exco Perdagangan, Pembangunan Keusahawanan dan Luar Bandar, **DATO' RASHIDI ZINOL** berkata bahawa fokus utama pada tahun 2026 adalah untuk memperkukuh pembangunan keusahawanan melalui pendekatan yang lebih menyeluruh, dengan penekanan kepada aspek pemasaran, sokongan rantaian bekalan serta pemerkasaan usahawan bandar dan luar bandar.

Menurut beliau, antara inisiatif utama yang akan diteruskan adalah Jelajah Usahawan 2026 yang melibatkan kelima-lima daerah di negeri ini.

"Program jelajah tersebut bukan sekadar platform promosi, malah berfungsi sebagai medan untuk Kerajaan Negeri mendengar secara langsung rungutan, maklum balas serta keperluan sebenar usahawan di lapangan.

"Kita juga tidak menolak kemungkinan untuk mengadakan jelajah lebih daripada sekali di daerah tertentu sekiranya terdapat keperluan mendesak, selaras dengan pendekatan Kerajaan Negeri yang fleksibel dan berpaksikan rakyat," jelasnya semasa sesi wawancara khas bersama-sama wartawan Buletin Mutiara, **NUR ASHIKIN ISMAIL** dan jurugambar, **ALISSALA THIAN** pada 22 Januari lalu.

Menurut Rashidi, Kerajaan Negeri turut memberi tumpuan kepada usahawan yang telah menunjukkan prestasi memberangsangkan menerusi sokongan bersasar khususnya dari segi pemasaran, jaringan vendor serta peluasan pasaran.

"Bagi memperkasa saluran jualan fizikal, sebuah premis di Komtar telah diambil alih bagi menempatkan produk usahawan Bumiputera dan usahawan tempatan, yang dijangka mula beroperasi sekitar pertengahan bulan Februari.

"Malah, inisiatif ini turut disokong dengan perancangan pembukaan sebuah lagi cawangan di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP) pada fasa seterusnya," katanya.

Rashidi menyatakan bahawa matlamat utama inisiatif tersebut adalah untuk membawa produk tempatan ke lokasi strategik yang mempunyai aliran pengunjung tinggi, sekali gus memperluas capaian pasaran dan meningkatkan daya saing usahawan negeri.

"Buat masa ini, nama kedai masih dalam peringkat perbincangan, dengan cadangan *Trend Mart & Café* antara yang sedang dipertimbangkan," ujarnya.

Seiring dengan perubahan landskap perniagaan, beliau menjelaskan bahawa pemasaran digital turut diberi penekanan, termasuk penggunaan *TikTok Live* secara konsisten dari premis perniagaan.

"Siaran langsung dirancang untuk diadakan dari waktu siang hingga sekitar jam 10 malam, melibatkan pengacara sambilan *(TikTok Host)* dalam kalangan pelajar dan pekerja, sebagai strategi meningkatkan jualan serta keberkesanan produk.

"Selain itu, ekspo keusahawanan selama tiga hari yang dijadualkan pada setiap 28 haribulan bakal menghimpunkan kira-kira 120 usahawan, dengan model pembelian secara tunai terus daripada pengeluar bagi mengurangkan beban hutang dalam kalangan pengusaha kecil, " katanya.

Usaha tersebut, katanya, dilengkapkan dengan kerjasama strategik pelbagai agensi termasuk Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA), Penang Halal serta agensi Persekutuan yang meliputi bantuan pemasaran, logistik, latihan, geran serta pensijilan halal.

Dalam konteks perluasan pasaran, Rashidi memberitahu bahawa Kerajaan Negeri turut berjaya merancang jerayawara "*Penang Day*" ke beberapa negeri seperti Sarawak, Johor, Kelantan, Melaka, Pahang dan Perak.

"Rekod jualan sangat memberangsangkan terutamanya produk laksa yang mencecah antara RM32,000 hingga RM34,000, manakala di Kelantan, jualan keseluruhan melebihi RM200,000," ujarnya.

Bagi kawasan luar bandar, Rashidi menegaskan bahawa pendekatan khusus akan terus dilaksanakan bagi memastikan usahawan setempat tidak tercicir daripada arus pembangunan.

"Pendekatan ini merangkumi penyediaan bantuan peralatan penting seperti mesin pemprosesan dan peti sejuk, di samping sokongan pensijilan halal serta penghubungan terus dengan 15 hingga 16 buah kilang bagi membantu memasarkan produk usahawan.

"Kita mahu usahawan faham struktur kos dan keuntungan supaya pemasaran boleh menampung perbelanjaan tanpa membebankan pengeluar," tambahnya.

Tambah beliau lagi, Kerajaan Negeri juga merancang menyediakan tapak *'marketplace'* percuma di Komtar sebagai ruang pameran produk, di samping penganjuran program berkala setiap bulan atau setiap Ahad bagi menghidupkan semula kawasan tersebut.

Walau bagaimanapun, beliau mengakui bahawa usaha ini memerlukan kerjasama berterusan antara jabatan negeri, agensi pusat serta institusi kewangan seperti PDC dan Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) bagi memastikan kesinambungan sokongan kepada usahawan.

Mengakhiri sesi wawancara, Rashidi menegaskan bahawa kejayaan agenda keusahawanan bukan sahaja bergantung kepada bantuan yang disediakan, malah turut dipengaruhi kestabilan politik, perpaduan kaum serta perubahan minda usahawan.

"Kerjasama erat antara kerajaan, agensi pelaksana dan komuniti usahawan merupakan kunci utama bagi memastikan setiap inisiatif yang dirangka benar-benar memberi impak kepada ekonomi negeri.

"Malah, kerajaan akan terus turun padang dan menerangkan peluang yang ada, di samping usahawan juga perlu bersedia, terbuka dan berani memanfaatkan sokongan yang disediakan.

"Pendekatan yang inklusif dan berteraskan kepercayaan ini diyakini mampu membentuk ekosistem keusahawanan yang lebih berdaya tahan serta mampan," ujarnya menutup bicara.

# Akademi Boria teraju usaha pengiktirafan UNESCO

**SENI** persembahan tradisional boria yang sinonim dengan Pulau Pinang terus diperkasakan menerusi peranan Akademi Boria yang komited melatih generasi baharu serta mengangkat martabat warisan budaya tersebut ke peringkat lebih tinggi, termasuk usaha ke arah pengiktirafan UNESCO.

Pengajar Akademi Boria merangkap Ikon Seni Warisan Boria, **BASHIR GULAM** berkata bahawa minatnya terhadap seni Boria bermula sejak era 1960-an, dan kekal aktif sehingga hari ini sebagai penari, tukang karang serta koreografer.

Dilahirkan pada tahun 1949, beliau merupakan antara penggiat awal yang menyaksikan evolusi boria daripada persembahan kampung tanpa skrip kepada bentuk persembahan yang lebih berstruktur dan beruniform.

Bashir juga pernah mewakili Pulau Pinang ke Pesta Medan di Indonesia pada era 1980-an serta memenangi pertandingan sempena Pesta Pulau Pinang, sekali gus mengukuhkan kedudukannya sebagai tokoh penting seni boria di negeri ini.

“Selepas merdeka, boria sangat popular di kawasan Padang Tambun yang kini dikenali sebagai Lorong Kulit.

“Pada waktu itu persembahan dibuat secara spontan, namun lama-kelamaan ia berkembang menjadi lebih tersusun dengan latihan, tema dan mesej yang jelas,” katanya semasa sesi wawancara khas bersama wartawan Buletin Mutiara, **NUR ASHIKIN ISMAIL** dan jurugambar, **SITI NURATIKAH RAHMAT**.



**JIBRAN Khalil Sindamadar.**

## Di sebalik tabir

Menurut Bashir, boria mempunyai empat elemen utama yang menjadikannya unik iaitu sketsa, tarian, nyanyian dalam bentuk rangkap karangan serta tulisan atau karangan yang membawa mesej tertentu.

“Pembikinan sesebuah persembahan boria bermula dengan sketsa sebagai pengenalan cerita, diikuti peranan tukang karang yang menulis dan menyampaikan rangkap nyanyian.

“Pemilihan lagu mesti bersesuaian dengan tema, diikuti latihan gerak tari, namun, yang paling penting adalah penghayatan dan gaya persembahan kerana di situlah mesej boria benar-benar sampai kepada penonton.

“Boria bukan sekadar hiburan semata-mata, sebaliknya medium penyampaian mesej sosial, pendidikan dan nasihat kepada masyarakat yang disampaikan secara santai tetapi berkesan.

“Setiap rangkap dan pergerakan mempunyai maksud tersendiri, justeru, disiplin latihan serta kefahaman terhadap isi kandungan adalah amat penting bagi memastikan persembahan boria kekal berjiwa dan tidak sekadar mengikut rentak,” tambahnya.

Selain Akademi Boria, Bashir turut menubuhkan kumpulan Klasik Mutiara sekitar tahun 2013 yang menghimpunkan penggiat lama serta bakat daripada pelbagai peringkat umur.

“Fokus kami adalah untuk melatih generasi muda dari peringkat sekolah rendah, menengah hingga universiti serta menjadikan boria sebagai sebahagian daripada kurikulum atau aktiviti kokurikulum sekolah,” ulasnya lanjut.

## Akademi Boria perkukuh warisan

Sementara itu, Pengarah Akademi Boria, **DATO’ JIBRAN KHALIL SINDAMADAR** menyatakan bahawa akademi tersebut telah ditubuhkan kira-kira 14 tahun lalu dengan matlamat utama menghidupkan kembali boria secara sistematik dan berterusan.

“Peningkatan kualiti persembahan amat penting sebagai langkah awal untuk mengangkat boria ke peringkat antarabangsa, dan seterusnya ke arah usaha mendapatkan pengiktirafan sebagai Warisan Tidak Ketara UNESCO.

“Antara cadangan yang telah dikemukakan kepada Kerajaan Negeri adalah penamaan semula jalan di kawasan bersejarah seperti Lorong Kulit agar dikaitkan dengan boria atau Padang Tambun, iaitu nama asal kawasan tersebut.

“Selain itu, kami turut mencadangkan penubuhan Yayasan Akademi Boria bagi menjaga kebajikan penggiat seni serta memastikan kesinambungan aktiviti latihan dan persembahan.

“Kami juga mencadangkan penubuhan muzium atau galeri boria yang menghimpunkan artifak, pakaian, skrip dan arkib sejarah penting supaya khazanah ini dapat dipelihara untuk generasi akan datang,” ujarnya.

## Cabaran masa kini

Walaupun pelbagai usaha dijalankan, Akademi Boria masih berdepan beberapa cabaran utama termasuk kekangan dana, kos pakaian dan produksi yang tinggi serta kurangnya minat dalam kalangan generasi muda.

Menurut Jibran, kebanyakan latihan hanya dijalankan atas permintaan kerana sekolah dan institusi sering tidak mempunyai bajet untuk program jangka panjang.

“Kursus singkat boleh dijalankan sehari hingga beberapa bulan, tetapi untuk hasil yang benar-benar mantap, tempoh minimum lima hingga enam bulan diperlukan.

“Akademi Boria juga pernah menjalankan latihan dan pengajaran di kolej komuniti serta universiti seperti *Universiti Sains Malaysia* (USM) dan *Asian Forum*.

“Boria bukan sekadar hiburan, tetapi medium pendidikan, kritikan sosial dan identiti budaya Pulau Pinang yang wajar dipelihara bersama.

“Sokongan berterusan daripada pelbagai pihak amat diperlukan, khususnya dari segi dana dan penglibatan institusi, bagi memastikan latihan dapat dilaksanakan secara konsisten dan berimpak tinggi.

“Jika usaha ini dapat digerakkan secara menyeluruh, bukan sahaja boria dapat dipelihara, malah ia berpotensi menjadi aset budaya negeri yang membanggakan pada peringkat nasional dan antarabangsa,” serunya.

Sebagai rekod, seni persembahan boria dipercayai mula bertapak di Pulau Pinang sekitar awal abad ke-20, dibawa oleh komuniti Muslim India dan kemudiannya berkembang dalam kalangan masyarakat Melayu tempatan.

